

DBKL harap orang ramai tidak salah faham - Fuad



KUALA LUMPUR 24 Mei - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berharap orang ramai tidak salah faham dengan tindakan pihaknya yang melarang pasar malam diadakan di hadapan rumah Ambiga.

Datuk Bandar, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail (**gambar**) berkata, sebagai sebuah agensi kerajaan ujar beliau, pihaknya tidak boleh berpaling kepada mana-mana fahaman parti politik dan perlu bertindak mengikut salutan undang-undang.

Menurutnya, tindakan peniaga-peniaga itu dikategorikan sebagai sesuatu yang melanggar undang-undang.

Ini kerana ia diadakan tanpa mendapat



permit atau kelulusan daripada pihak DBKL.

"Jika hasrat mengadakan kawasan pasar malam itu tetap dijalan, mereka melanggar undang-undang di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Sehubungan itu, anggota penguat kuasa DBKL telah mengambil tindakan dengan memadam garisan petak pasar malam baru-baru ini.

"Itu yang jadi masalah sekarang, apabila pihak DBKL mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga gerai berkenaan, kami kini dituduh pula sebagai berpihak kepada pembangkang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan ba-

ngunan Platinum Sentral di KL Sentral, di sini hari ini.

Beliau mengulas perhimpunan yang disertai kira-kira 500 orang daripada pelbagai pihak termasuk golongan peniaga mewakili Bersih 4.0, Pemuda Melayu Sel-Malaya dan Halau I.O.

Ahmad Fuad berkata, semua pihak di negara ini perlu mematuhi undang-undang negara tanpa mengira mereka mewakili mana-mana fahaman atau parti politik.

"Malah, ramai yang lupa bahawa kami turut mengambil tindakan terhadap mahasiswa yang berdemonstrasi dan berkhemah di Dataran Merdeka bagi menuntut pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dimansuhkan, bulan lalu," katanya.